



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10/JLD.7 (55)

Tarikh : 15 November 2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Kuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.7/2024 TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2024

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini adalah bertujuan:

- 1.1 Untuk memaklumkan kepada semua Pejabat Pemungut dan Pejabat Pembayar mengenai Tatacara Pengurusan Terimaan bagi Penutupan Akaun Negeri Sabah Tahun 2024.
- 1.2 Untuk memaklumkan berkenaan pindaan perkara no.3(v) - Jadual Penyediaan dan Penyerahan Akaun Negeri 2024 (Lampiran D), Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Tahun 2024 bertarikh 24 April 2024.
- 1.3 Untuk memaklumkan pembatalan Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 07/2023 - Tatacara Mengakaun Terimaan Pada Penghujung Tahun Kewangan bertarikh 26 Jun 2023.

...2/-

SABAH MAJU JAYA



Rujukan : JBNS(A)100-4/10/JLD.7 (55)
Tarikh : 15 November 2024

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.7/2024
TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH
TAHUN 2024**

2.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara Negeri Sabah pada pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2022 dan 2023 telah memberi teguran ke atas;

- 2.1 Terimaan/hasil yang diterima pada tahun kewangan semasa telah diiktiraf dan diakaunkan pada tahun berikutnya.
- 2.2 Terimaan/Hasil tahun kewangan semasa telah berkurang nyata dan terimaan/hasil pada tahun berikutnya telah terlebih nyata.

3.0 TANGGUNGJAWAB PEJABAT PEMUNGUT DAN PEJABAT PEMBAYAR

3.1 Tarikh Akhir bagi Pengurusan Terimaan

JENIS PEMBAYARAN	TINDAKAN	TEMPOH
Kutipan fizikal:		
Tunai	Pejabat Pemungut	Sehingga 31 Disember 2024 (sehingga 12.00 tengah hari)
Bank Draf / Money Order		Sehingga 30 Disember 2024
Cek		Sehingga 26 Disember 2024
Terimaan e-pembayaran:		
Kad Debit / Kredit Pindahan Dana / EFT Perbankan Mudah Alih Portal Agensi Kerajaan	Pejabat Pemungut dan Pejabat Pembayar	Sehingga 30 Disember 2024

*** Nota: Terimaan bermula 1 Januari 2025 diproses seperti biasa dalam tahun kewangan 2025**

....3/-

Rujukan : JBNS(A)100-4/10/JLD.7 (55)

Tarikh : 15 November 2024

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.7/2024
TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH
TAHUN 2024**

- 3.2 Bagi Pejabat Pemungut yang masih menerima kutipan jualan tiket selepas waktu pejabat hendaklah memastikan kutipan yang diterima sebelum pukul 12.00 tengah hari, 31 Disember 2024 dimasukkan ke dalam bank pada hari yang sama.
- 3.3 Pejabat Pemungut hendaklah memastikan Penyata Pemungut JBN.08 (Pindaan 2023) dikemukakan kepada Pejabat Pembayar selewat-lewatnya pada pukul 3.00 petang **31 Disember 2024**.

4.0 PINDAAN DAN PEMBATALAN PEKELILING SEDIA ADA

4.1 PINDAAN LAMPIRAN D - JADUAL PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN AKAUN NEGERI 2024 (PEKELILING JBN BIL.3/2024)

Semua Buku Tunai Pejabat Pembayar bagi tahun kewangan semasa hendaklah diterima oleh Seksyen Akaun Utama, Bahagian Akaun Awam **pada 3 Januari 2025**.

4.2 PEMBATALAN PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.07/2023 - TATACARA MENGAKAUN TERIMAAN PADA PENGHUJUNG TAHUN KEWANGAN BERTARIKH 26 JUN 2023

4.2.1 Pekeliling JBN Bil.07/2023 bertarikh 26 Jun 2023 adalah dibatalkan serta-merta.

4.2.2 Pejabat Pembayar hendaklah memastikan akaun **“Revenue Collectors Clearance” (K79)** dikosongkan pada setiap penghujung tahun.

5.0 PEMAKAIAN

Surat pekeliling ini adalah juga dipanjangkan kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan sejauh mana akaun mereka ada kaitan dengan Perbendaharaan Negeri.

...4/-

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : JBNS(A)100-4/10/JLD.7 (55)
Tarikh : 15 November 2024

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.7/2024
TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH
TAHUN 2024**

6.0 PENUTUP

- 6.1 Semua Pejabat Pemungut diminta mematuhi peraturan dan tarikh yang ditetapkan dalam surat ini bagi memastikan proses pembayaran dan penutupan akaun dapat dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan.
- 6.2 Sebarang kemusykilan mengenai pekeliling ini boleh berhubung terus dengan Bahagian Operasi Pusat, Jabatan Bendahari Negeri.

Sekian dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

s.k YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A
Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Beg Berkunci 2032
Jalan Sembulan
88582 KOTA KINABALU
(u.p.:Ketua Penolong Pengarah (Akaun))

Pengarah
Jabatan Pertanian
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p.:Ketua Akauntan)

...5/-

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : JBNS(A)100-4/10/JLD.7 (55)

Tarikh : 15 November 2024

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL.X/2024
TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH
TAHUN 2024**

Pengarah
Ibu Pejabat Perhutanan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p.:Ketua Akauntan)

Pengarah
Ibu Pejabat
Jabatan Tanah dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p.:Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Air
Ibu Pejabat Jabatan Air
Wisma Muis
Beg Berkunci 210
88825 KOTA KINABALU
(u.p.:Ketua Akauntan)

Semua Bendahari Cawangan
Jabatan Bendahari Negeri Sabah

Pengarah Audit Negeri Sabah
Wisma Audit Sabah
KM 2.4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci 2021
88400 KOTA KINABALU

...6/-

“SABAH MAJU JAYA”